



8 November 2012
8 November 2012
P.U. (A) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERTUKARAN MAKLUMAT (KERAJAAN
BERMUDA) 2012

*EXCHANGE OF INFORMATION (THE GOVERNMENT OF
BERMUDA) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH PERTUKARAN MAKLUMAT (KERAJAAN BERMUDA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132A(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pertukaran Maklumat (Kerajaan Bermuda) 2012**.

Pertukaran Maklumat

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bermuda dengan tujuan untuk bertukar-tukar maklumat yang dijangka berkaitan berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Bermuda (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DAN
KERAJAAN BERMUDA
(SEPERTI YANG DIBERI KUASA OLEH UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN
IRELAND UTARA)
UNTUK PERTUKARAN MAKLUMAT BERKAITAN HAL PERCUKAIAN**

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN BERMUDA

BERHASRAT untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan percukaian, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

OBJEK DAN SKOP PERJANJIAN

Pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberikan bantuan melalui pertukaran maklumat yang dijangka berkaitan dalam pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang domestik Pihak-Pihak Pejanji berhubung cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Maklumat tersebut hendaklah termasuk maklumat yang dijangka berkaitan bagi penentuan, penaksiran dan pungutan cukai, kutipan dan penguatkuasaan tuntutan cukai, atau penyiasatan atau pendakwaan terhadap perkara-perkara percukaian. Pertukaran maklumat hendaklah dibuat selaras dengan peruntukan Perjanjian ini dan hendaklah dianggap rahsia sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 7. Hak-hak jaminan perlindungan yang diberikan oleh undang-undang atau amalan pentadbiran pihak kena pohon adalah terpakai selagi ia tidak menghalang atau melambatkan keberkesanan pertukaran maklumat.

Perkara 2

BIDANG KUASA

Pihak Kena Pohon tidak berkewajiban untuk memberikan maklumat yang tidak dipegang oleh pihak berkuasanya atau tidak dalam pemilikannya atau di bawah kawalan orang yang berada dalam bidang kuasa wilayahnya.

Perkara 3

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Cukai yang menjadi subjek Perjanjian ini ialah:
 - (a) di Malaysia, cukai pendapatan,
 - (b) di Bermuda, semua jenis cukai langsung.

2. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang sama yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi cukai sedia ada. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi cukai yang sedia ada, jika pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji bersetuju. Tambahan lagi, cukai-cukai yang diliputi boleh dipanjangkan atau diubah suai dengan persefahaman bersama Pihak-Pihak Pejanji dalam bentuk pertukaran surat. Pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan penting terhadap percukaian dan langkah-langkah pengumpulan maklumat yang berkaitan yang diliputi oleh Perjanjian ini.

Perkara 4

TAKRIF

1. Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan ditakrifkan sebaliknya, istilah:
 - (a) “Pihak Pejanji” ertinya Malaysia atau Bermuda mengikut kehendak konteksnya;
 - (b) “pihak berkuasa kompeten” ertinya:

- (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
 - (ii) dalam hal Bermuda, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (c) “orang” termasuklah seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang lain;
- (d) “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
- (e) “syarikat dagangan awam” ertinya mana-mana syarikat yang kelas saham utamanya disenaraikan di bursa saham yang diiktiraf di mana sahamnya yang disenaraikan boleh dengan mudahnya dibeli atau dijual oleh orang awam. Saham boleh dibeli atau dijual “oleh orang awam” jika belian atau jualan saham tidak dinyatakan secara tersirat atau jelas, dihadkan kepada kumpulan pelabur tertentu sahaja;
- (f) “kelas saham utama” ertinya kelas atau kelas-kelas saham yang mewakili kuasa mengundi dan nilai majoriti syarikat;
- (g) “bursa saham yang diiktiraf” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, mana-mana bursa saham yang diluluskan di bawah seksyen 8 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
 - (ii) dalam hal Bermuda, mana-mana bursa saham yang diluluskan di bawah Akta Bursa Saham Bermuda 1992 (sebagaimana yang dipinda); dan

- (iii) mana-mana bursa saham yang dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji;

- (h) “Dana atau skim pelaburan terkumpul” ertinya apa-apa jentera pelaburan terkumpul, tanpa mengira bentuk sah. Istilah “dana atau skim terkumpul awam” ertinya apa-apa dana atau skim pelaburan terkumpul yang unit, saham atau lain-lain kepentingan dalam dana atau skim boleh dengan mudahnya dibeli, dijual atau ditebus oleh orang awam. Unit, saham atau lain-lain kepentingan dalam dana atau skim boleh dengan mudahnya dibeli, dijual atau ditebus “oleh orang awam” jika belian, jualan atau tebusan tidak dinyatakan secara tersirat atau jelas, dihadkan kepada kumpulan pelabur tertentu sahaja;

- (i) “cukai” ertinya apa-apa cukai yang baginya, Perjanjian ini terpakai;

- (j) “Pihak pemohon” ertinya Pihak Pejanji yang memohon maklumat;

- (k) “Pihak kena pohon” ertinya Pihak Pejanji yang diminta untuk membekalkan maklumat;

- (l) “langkah-langkah pengumpulan maklumat” ertinya undang-undang dan pentadbiran atau prosedur kehakiman yang membolehkan Pihak Pejanji untuk mendapatkan dan membekalkan maklumat yang dipohon;

- (m) “maklumat” ertinya apa-apa fakta, kenyataan atau rekod dalam apa bentuk sekali pun.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh Pihak Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai makna mengikut undang-undang Pihak Pejanji ketika itu, apa-apa makna di bawah undang-undang cukai yang terpakai mengatasi makna yang diberi kepada istilah tersebut di bawah undang-undang lain Pihak Pejanji itu.

Perkara 5

PERTUKARAN MAKLUMAT ATAS PERMINTAAN

1. Pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon hendaklah membekalkan apabila diminta, maklumat bagi maksud yang disebutkan di Perkara 1. Pertukaran maklumat tersebut hendaklah dibuat tanpa mengambil kira sama ada tindakan tersebut jika disiasat, merupakan satu jenayah di bawah undang-undang Pihak kena pohon sekiranya tindakan tersebut terjadi di Pihak kena pohon.
2. Jika maklumat dalam milikan pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon tidak mencukupi untuk membolehkan ia mematuhi permintaan maklumat, Pihak tersebut hendaklah menggunakan segala langkah-langkah pengumpulan maklumat yang berkaitan bagi menyediakan Pihak pemohon dengan maklumat yang diminta, walaupun Pihak kena pohon mungkin tidak memerlukan maklumat berkenaan bagi tujuan cukainya sendiri.
3. Jika dipohon secara khusus oleh pihak berkuasa kompeten Pihak yang memohon, pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon hendaklah membekalkan maklumat di bawah Perkara ini, selagi ia dibenarkan di bawah undang-undang domestiknya, dalam bentuk keterangan bersaksi dan pengesahan salinan daripada rekod asal.
4. Setiap Pihak Pejanji hendaklah memastikan yang pihak-pihak berkuasa kompetennya bagi tujuan yang disebutkan dalam Perkara 1 Perjanjian ini, mempunyai kuasa untuk memperoleh dan membekalkan apabila diminta:
 - (a) maklumat yang dipegang oleh bank-bank, institusi-intitusi kewangan lain, dan mana-mana orang yang bertindak di sesebuah agensi atau sifat fidusiari termasuk penama dan pemegang amanah;

(b) maklumat berkaitan pemilikan syarikat, perkongsian, amanah, yayasan, dan lain-lain orang, termasuk, dalam kekangan Perkara 2, maklumat pemilikan atas semua orang dalam rangkaian pemilikan; dalam hal amanah, maklumat setlor, pemegang amanah dan benefisiari; dan dalam hal yayasan, maklumat pengasas, anggota majlis yayasan dan benefisiari. Selanjutnya, Perjanjian ini tidak mewujudkan tanggungjawab kepada Pihak-pihak Pejanji untuk memperoleh atau membekalkan maklumat pemilikan berkaitan syarikat-syarikat dagangan awam atau dana atau skim pelaburan terkumpul awam kecuali maklumat tersebut boleh diperolehi tanpa meningkatkan kesukaran yang tidak seimbang.

5. Pihak berkuasa kompeten Pihak pemohon hendaklah membekalkan maklumat berikut kepada pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon apabila membuat permohonan untuk maklumat di bawah Perjanjian ini untuk menunjukkan kaitan yang dijangkakan daripada maklumat yang dipohon:

- (a) pengenalan orang yang di bawah pemeriksaan atau penyiasatan;
- (b) kenyataan tentang maklumat yang dicari termasuk jenis dan dalam bentuk apa Pihak pemohon berharap untuk menerima maklumat tersebut daripada Pihak kena pohon;
- (c) tujuan percukaian bagi maklumat yang dicari;
- (d) asas bagi mempercayai bahawa maklumat yang diminta dipegang oleh Pihak kena pohon atau berada dalam milikan atau kawalan seorang yang di dalam bidang kuasa Pihak kena pohon;
- (e) setakat diketahui, nama dan alamat orang yang dipercayai memiliki maklumat yang diminta;
- (f) kenyataan bahawa permintaan adalah mematuhi undang-undang dan amalan pentadbiran Pihak pemohon, bahawa sekiranya maklumat yang

diminta berada di dalam bidang kuasa Pihak pemohon, pihak berkuasa kompeten Pihak pemohon boleh memperolehi maklumat tersebut di bawah undang-undang Pihak pemohon atau dalam keadaan biasa amalan pentadbiran yang ia mematuhi Perjanjian ini;

(g) kenyataan bahawa Pihak pemohon telah melaksanakan semua cara yang ada di dalam wilayahnya sendiri bagi memperoleh maklumat tersebut, kecuali tindakan yang akan meningkatkan kesukaran yang tidak seimbang.

6. Pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon hendaklah membekalkan maklumat yang diminta sesegera yang mungkin kepada Pihak pemohon. Bagi memastikan respon segera, pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon hendaklah:

(a) Mengesahkan penerimaan permohonan secara bertulis kepada pihak berkuasa kompeten Pihak pemohon dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa kompeten Pihak pemohon tentang kekurangan dalam permintaan, dalam tempoh 60 hari dari tarikh permintaan diterima.

(b) Jika pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon tidak boleh mendapatkan dan membekalkan maklumat dalam tempoh 90 hari dari tarikh permintaan diterima, termasuk jika ia menghadapi halangan dalam membekalkan maklumat atau ia enggan membekalkan maklumat, ia hendaklah dengan segera memaklumkan Pihak pemohon, menjelaskan alasan ketidakupayaannya, bentuk halangan atau alasan-alasan keengganannya.

Perkara 6

KEMUNGKINAN UNTUK MENOLAK SESUATU PERMINTAAN

1. Pihak kena pohon hendaklah tidak diminta untuk mendapatkan atau membekalkan maklumat yang Pihak pemohon tidak akan boleh mendapatkannya di

bawah undang-undangnya sendiri bagi maksud pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang cukainya sendiri. Pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon boleh menolak untuk membantu di mana permintaan dibuat tidak bertepatan dengan Perjanjian ini.

2. Peruntukan Perjanjian ini tidak mengenakan ke atas Pihak Pejanji obligasi untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau rahsia professional atau proses perdagangan. Walau apa pun yang tersebut di atas, jenis maklumat yang disebut dalam Perkara 5, perenggan 4 tidaklah dianggap sebagai suatu rahsia atau proses perdagangan hanya kerana ia mematuhi kriteria dalam perenggan itu.

3. Peruntukan Perjanjian ini tidak mengenakan ke atas Pihak Pejanji obligasi untuk mendapatkan atau membekalkan maklumat, yang akan mendedahkan komunikasi rahsia antara pelanggan dengan wakil, peguamcara atau lain-lain wakil yang diterima di sisi undang-undang di mana komunikasi tersebut adalah:

(a) dibekalkan bagi maksud untuk mencari atau mendapatkan nasihat guaman; atau

(b) dibekalkan bagi maksud penggunaan dalam prosiding guaman yang sedia wujud atau yang dalam pertimbangan.

4. Pihak kena pohon boleh menolak permintaan untuk maklumat jika pendedahan maklumat tersebut akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).

5. Sesuatu permintaan maklumat tidak boleh ditolak atas asas bahawa sesuatu tuntutan cukai yang mana ianya berkaitan, adalah dipertikaikan.

6. Pihak kena pohon boleh menolak permintaan untuk mendapatkan maklumat jika maklumat yang diminta oleh Pihak pemohon adalah untuk mentadbir atau menguatkuasakan satu peruntukan undang-undang cukai Pihak pemohon, atau apa-apa

kehendak yang berkaitan dengannya, yang membezakan antara rakyat Pihak kena pohon berbanding dengan rakyat Pihak pemohon dalam keadaan yang sama.

Perkara 7

KERAHSIAAN

Apa-apa maklumat yang diterima oleh Pihak Pejanji di bawah Perjanjian ini hendaklah dianggap rahsia dan boleh didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuklah mahkamah dan badan pentadbiran) dalam bidang kuasa Pihak Pejanji yang terlibat dengan penaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau pemutusan rayuan-rayuan berhubungan dengan, cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang atau pihak berkuasa sedemikian hendaklah menggunakan maklumat hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat di dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Maklumat ini hendaklah tidak didedahkan kepada mana-mana orang lain atau entiti atau pihak berkuasa atau mana-mana bidang kuasa lain tanpa kenyataan kelulusan bertulis pihak berkuasa kompeten Pihak kena pohon.

Perkara 8

KOS PENTADBIRAN

1. Kos yang akan timbul dalam urusan biasa pentadbiran undang-undang cukai domestik Pihak kena pohon akan ditanggung oleh Pihak kena pohon apabila kos tersebut dibelanjakan bagi tujuan menjawab kepada permohonan untuk maklumat. Perbelanjaan biasa tersebut lazimnya meliputi kos pentadbiran dalaman.

2. Semua kos lain yang bukan kos biasa adalah dianggap kos-kos luar biasa dan akan ditanggung oleh pihak yang memohon. Contoh kos luar biasa termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut:

(a) kos yang dikenakan oleh pihak ketiga untuk salinan dokumen;

- (b) kos melantik pakar, jurubahasa, atau penterjemah;
- (c) kos litigasi pihak pemohon berkaitan permohonan maklumat spesifik;
- (d) kos untuk mendapatkan deposisi atau testimoni; dan
- (e) kos-kos lain yang dibelanjakan yang “berpatutan”.

3. Pihak-pihak Pejanji akan berunding antara satu sama lain sama ada dalam kes di mana kos luar biasa melampaui US\$1000 bagi menentukan samada pihak yang memohon akan meneruskan permohonan dan membiayai kos.

Perkara 9

PELAKSANAAN PERUNDANGAN

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah menggubal apa-apa perundangan yang perlu untuk dipatuhi dengan, dan memberikan kesan kepada, istilah-istilah dalam Perjanjian ini.

Perkara 10

BAHASA

Permintaan untuk bantuan dan jawapan berkaitan dengannya hendaklah disediakan dalam Bahasa Inggeris.

Perkara 11

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika timbul kesulitan atau keraguan di antara Pihak-Pihak Pejanji berkenaan pelaksanaan atau pentafsiran Perjanjian ini, pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha untuk menyelesaikan perkara tersebut melalui persetujuan bersama.
2. Di samping persetujuan yang disebut dalam perenggan 1, pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji boleh saling bersetuju dengan prosedur yang akan digunakan di bawah Perkara 5.
3. Pihak berkuasa kompeten Pihak-Pihak Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud mencapai persetujuan di bawah Perkara ini.

Perkara 12

PERMULAAN KUAT KUASA

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang penyempurnaan prosedur yang dikehendaki di bawah undang-undangnya bagi penguatkuasaan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang terkemudian pemberitahuan ini, dan peruntukannya hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh percukaian bermula pada atau selepas tarikh tersebut.

Perkara 13

PENAMATAN

1. Perjanjian ini hendaklah tetap berkuat kuasa sampai bila-bila, tetapi salah satu Pihak Pejanji boleh menamatkan Perjanjian, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan notis penamatan secara bertulis kepada Pihak Pejanji yang satu lagi.
2. Penamatan itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bulan selepas tamat tempoh enam bulan selepas tarikh penerimaan notis penamatan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi.

3. Di mana satu Pihak Pejanji menamatkan Perjanjian ini, kedua-dua Pihak Pejanji hendaklah terus terikat dengan peruntukan-peruntukan Perkara 7 berkenaan dengan apa-apa maklumat yang diperolehi di bawah Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di **London** pada **23 hari bulan April 2012**, setiap satunya dalam bahasa Malaysia dan Inggeris, kesemua teks itu sama sahinya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian tentang pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

**BAGI PIHAK KERAJAAN
MALAYSIA**

**BAGI PIHAK KERAJAAN
BERMUDA**

Dibuat 23 Oktober 2012
[Perb: 0.6869/136 (SK.2); PN(PU2) 80A/XVIII]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentang di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 132A(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

EXCHANGE OF INFORMATION (THE GOVERNMENT OF BERMUDA) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 132A(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Exchange of Information (The Government of Bermuda) Order 2012**.

Exchange of Information

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of Bermuda with a view of exchanging information that is foreseeably relevant in relation to Malaysian tax and Bermudian tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

**AGREEMENT BETWEEN
THE GOVERNMENT OF MALAYSIA
AND
THE GOVERNMENT OF BERMUDA
(AS AUTHORISED BY THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN
IRELAND)
FOR THE EXCHANGE OF INFORMATION RELATING TO TAX MATTERS**

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

THE GOVERNMENT OF BERMUDA

DESIRING to facilitate the exchange of information relating to tax matters have agreed as follows:

Article 1

OBJECT AND SCOPE OF THE AGREEMENT

The competent authorities of the Contracting Parties shall provide assistance through exchange of information that is foreseeably relevant to the administration and enforcement of the domestic laws of the Contracting Parties concerning taxes covered by this Agreement. Such information shall include information that is foreseeably relevant to the determination, assessment and collection of such taxes, the recovery and enforcement of tax claims, or the investigation or prosecution of tax matters. Information shall be exchanged in accordance with the provisions of this Agreement and shall be treated as confidential in the manner provided in Article 7. The rights and safeguards secured to persons by the laws or administrative practice of the requested Party remain applicable to the extent that they do not unduly prevent or delay effective exchange of information.

Article 2

JURISDICTION

A Requested Party is not obligated to provide information which is neither held by its authorities nor in the possession or control of persons who are within its territorial jurisdiction.

Article 3

TAXES COVERED

1. The taxes which are the subject of this Agreement are:

- (a) in Malaysia, income tax;
- (b) in Bermuda, direct taxes of every kind.

2. This Agreement shall also apply to any identical taxes imposed after the date of signature of the Agreement in addition to or in place of the existing taxes. This Agreement shall also apply to any substantially similar taxes imposed after the date of signature of the Agreement in addition to or in place of the existing taxes if the competent authorities of the Contracting Parties so agree. Furthermore, the taxes covered may be expanded or modified by mutual agreement of the Contracting Parties in the form of an exchange of letters. The competent authorities of the Contracting Parties shall notify each other of any substantial changes to the taxation and related information gathering measures covered by the Agreement.

Article 4

DEFINITIONS

1. For the purposes of this Agreement, unless otherwise defined, the terms:
 - (a) “Contracting Party” means Malaysia or Bermuda as the context requires;
 - (b) “competent authority” means:
 - (i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative;
 - (ii) in the case of Bermuda, the Minister of Finance or his authorised representative;
 - (c) “person” includes an individual, a company and any other body of persons;

- (d) “company” means any body corporate or any entity that is treated as a body corporate for tax purposes;
- (e) “publicly traded company” means any company whose principal class of shares is listed on a recognized stock exchange provided its listed shares can be readily purchased or sold by the public. Shares can be purchased or sold “by the public” if the purchase or sale of shares is not implicitly or explicitly restricted to a limited group of investors;
- (f) “principal class of shares” means the class or classes of shares representing a majority of the voting power and value of the company;
- (g) “recognised stock exchange” means:
- (i) in the case of Malaysia, any stock exchange approved under section 8 of the Capital Market and Services Act 2007;
 - (ii) in the case of Bermuda, any stock exchange approved under the Bermuda Stock Exchange Act 1992 (as amended); and
 - (iii) any stock exchange agreed upon by the competent authorities of the Contracting Parties;
- (h) “collective investment fund or scheme” means any pooled investment vehicle, irrespective of legal form. The term “public collective investment fund or scheme” means any collective investment fund or scheme provided the units, shares or other interests in the fund or scheme can be readily purchased, sold or redeemed by the public. Units, shares or other interests in the fund or scheme can be readily purchased, sold or redeemed “by the public” if the purchase, sale or redemption is not implicitly or explicitly restricted to a limited group of investors;
- (i) “tax” means any tax to which the Agreement applies;

- (j)* “applicant Party” means the Contracting Party requesting information;
- (k)* “requested Party” means the Contracting Party requested to provide information;
- (l)* “information gathering measures” means laws and administrative or judicial procedures that enable a Contracting Party to obtain and provide the requested information;
- (m)* “information” means any fact, statement or record in any form whatever.

2. As regards the application of this Agreement at any time by a Contracting Party, any term not defined therein shall, unless the context otherwise requires, have the meaning that it has at that time under the law of that Party, any meaning under the applicable tax laws of that Party prevailing over a meaning given to the term under other laws of that Party.

Article 5

EXCHANGE OF INFORMATION UPON REQUEST

1. The competent authority of the requested Party shall provide upon request information for the purposes referred to in Article 1. Such information shall be exchanged without regard to whether the conduct being investigated would constitute a crime under the laws of the requested Party if such conduct occurred in the requested Party.

2. If the information in the possession of the competent authority of the requested Party is not sufficient to enable it to comply with the request for information, that Party shall use all relevant information gathering measures to provide the applicant Party

with the information requested, notwithstanding that the requested Party may not need such information for its own tax purposes.

3. If specifically requested by the competent authority of an applicant Party, the competent authority of the requested Party shall provide information under this Article, to the extent allowable under its domestic laws, in the form of depositions of witnesses and authenticated copies of original records.

4. Each Contracting Party shall ensure that its competent authorities for the purposes specified in Article 1 of the Agreement, have the authority to obtain and provide upon request:

(a) information held by banks, other financial institutions, and any person acting in an agency or fiduciary capacity including nominees and trustees;

(b) information regarding the ownership of companies, partnerships, trusts, foundations, and other persons, including, within the constraints of Article 2, ownership information on all such persons in an ownership chain; in the case of trusts, information on settlors, trustees and beneficiaries; and in the case of foundations, information on founders, members of the foundation council and beneficiaries. Further, this Agreement does not create an obligation on the Contracting Parties to obtain or provide ownership information with respect to publicly traded companies or public collective investment funds or schemes unless such information can be obtained without giving rise to disproportionate difficulties.

5. The competent authority of the applicant Party shall provide the following information to the competent authority of the requested Party when making a request for information under the Agreement to demonstrate the foreseeable relevance of the information to the request:

(a) the identity of the person under examination or investigation;

- (b) a statement of the information sought including its nature and the form in which the applicant Party wishes to receive the information from the requested Party;
- (c) the tax purpose for which the information is sought;
- (d) the grounds for believing that the information requested is held in the requested Party or is in the possession or control of a person within the jurisdiction of the requested Party;
- (e) to the extent known, the name and address of any person believed to be in possession of the requested information;
- (f) a statement that the request is in conformity with the law and administrative practices of the applicant Party, that if the requested information was within the jurisdiction of the applicant Party then the competent authority of the applicant Party would be able to obtain the information under the laws of the applicant Party or in the normal course of administrative practice that it is in conformity with this Agreement;
- (g) a statement that the applicant Party has pursued all means available in its own territory to obtain the information, except those that would give rise to disproportionate difficulties.

6. The competent authority of the requested Party shall forward the requested information as promptly as possible to the applicant Party. To ensure a prompt response, the competent authority of the requested Party shall:

- (a) Confirm receipt of a request in writing to the competent authority of the applicant Party and shall notify the competent authority of the applicant Party of deficiencies in the request, if any, within 60 days of the receipt of the request.

- (b) If the competent authority of the requested Party has been unable to obtain and provide the information within 90 days of receipt of the request, including if it encounters obstacles in furnishing the information or it refuses to furnish the information, it shall immediately inform the applicant Party, explaining the reason for its inability, the nature of the obstacles or the reasons for its refusal.

Article 6

POSSIBILITY OF DECLINING A REQUEST

1. The requested Party shall not be required to obtain or provide information that the applicant Party would not be able to obtain under its own laws for purposes of the administration or enforcement of its own tax laws. The competent authority of the requested Party may decline to assist where the request is not made in conformity with this Agreement.
2. The provisions of this Agreement shall not impose on a Contracting Party the obligation to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process. Notwithstanding the foregoing, information of the type referred to in Article 5, paragraph 4 shall not be treated as such a secret or trade process merely because it meets the criteria in that paragraph.
3. The provisions of this Agreement shall not impose on a Contracting Party the obligation to obtain or provide information, which would reveal confidential communications between a client and an attorney, solicitor or other admitted legal representative where such communications are:
 - (a) produced for the purposes of seeking or providing legal advice; or
 - (b) produced for the purposes of use in existing or contemplated legal proceedings.

4. The requested Party may decline a request for information if the disclosure of the information would be contrary to public policy (*ordre public*).

5. A request for information shall not be refused on the ground that the tax claim giving rise to the request is disputed.

6. The requested Party may decline a request for information if the information is requested by the applicant Party to administer or enforce a provision of the tax law of the applicant Party, or any requirement connected therewith, which discriminates against a national of the requested Party as compared with a national of the applicant Party in the same circumstances.

Article 7

CONFIDENTIALITY

Any information received by a Contracting Party under this Agreement shall be treated as confidential and may be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) in the jurisdiction of the Contracting Party concerned with the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, or the determination of appeals in relation to, the taxes covered by this Agreement. Such persons or authorities shall use such information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions. The information shall not be disclosed to any other person or entity or authority or any other jurisdiction without the express written consent of the competent authority of the requested Party.

Article 8

ADMINISTRATIVE COSTS

1. Costs that would be incurred in the ordinary course of administering the domestic tax laws of the requested party will be borne by the requested party when such costs are incurred for the purpose of responding to a request for information. Such ordinary costs would normally cover internal administration costs.

2. All other costs that are not ordinary costs are considered extraordinary costs and will be borne by the requesting party. Examples of extraordinary costs include, but are not limited to, the following:

- (a)* costs charged by third parties for copying documents;
- (b)* costs of engaging experts, interpreters, or translators;
- (c)* litigation costs of the requested party in relation to a specific request for information;
- (d)* costs for obtaining depositions or testimony; and
- (e)* other costs incurred that are “reasonable”.

3. The Contracting Parties will consult each other in any particular case where extraordinary costs are likely to exceed US\$1000 to determine whether the requesting party will continue to pursue the request and bear the cost.

Article 9

IMPLEMENTATION LEGISLATION

The Contracting Parties shall enact any legislation necessary to comply with, and give effect to, the terms of the Agreement.

Article 10

LANGUAGE

Requests for assistance and responses thereto shall be drawn up in English.

Article 11

MUTUAL AGREEMENT PROCEDURE

1. Where difficulties or doubts arise between the Contracting Parties regarding the implementation or interpretation of the Agreement, the competent authorities shall endeavour to resolve the matter by mutual agreement.
2. In addition to the agreements referred to in paragraph 1, the competent authorities of the Contracting Parties may mutually agree on the procedures to be used under Article 5.
3. The competent authorities of the Contracting Parties may communicate with each other directly for purposes of reaching agreement under this Article.

Article 12

ENTRY INTO FORCE

The Contracting Parties shall notify each other of the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Agreement. This Agreement shall enter into force on the date of the later of these notifications, and its provisions shall have effect for taxable periods beginning on or after that date.

Article 13

TERMINATION

1. This Agreement shall remain in effect indefinitely, but either Contracting Party may terminate the Agreement, through diplomatic channel, by giving to the other Contracting Party written notice of termination.
2. Such termination shall become effective on the first day of the month following the expiration of a period of six months after the date of receipt of notice of termination by the other Contracting Party.
3. Where a Contracting Party terminates this Agreement, both Contracting Parties shall remain bound by the provisions of Article 7 with respect to any information obtained under this Agreement.

IN WITNESS WHEREOF, the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE in duplicate at **London** this **23rd day of April 2012**, each in the Malay and the English language, all texts being equally authentic. In case of any divergence in the interpretation and the application of this Agreement, the English text shall prevail.

**FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA**

**FOR THE GOVERNMENT OF
BERMUDA**

Made 23 October 2012
[Perb: 0.6869/136 (SK.2); PN (PU2) 80A/XVIII]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132A(4) of the Income Tax Act 1967]